

DEFINISI REMAJA DAN PEMBENTUKAN KONSEP KENDIRI DALAM HUBUNGANNYA DENGAN KELUARGA (Part 2)

Azizi Hj Yahaya

2. Definisi Remaja

Rogers, (1951) 'Adolescence' bermaksud membesar menjadi matang. Remaja dikatakan berusia di antara 11 hingga 21 tahun, merupakan transisi antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa yang melibatkan perubahan biologi, psikologi, sosial dan ekonomi serta melibatkan perubahan peringkat tidak matang ke peringkat matang (Azizi et. Al.,2005). Zaman remaja dikatakan bermula dari akil baligh dan berakhir apabila memasuki alam dewasa. Ia merupakan satu tempoh peralihan dalam pusingan hidup yang melibatkan banyak perubahan yang berlaku, sama ada dari segi perkembangan fizikal, emosi dan kognitif di mana ia mula minat hubungan dengan rakan sebaya dan mulai belajar peranan kerja, peranan dalam keluarga dan sebagai warga masyarakat. Zaman remaja dikatakan satu proses untuk mencapai atau memperolehi sikap dan kepercayaan bagi penglibatan yang berkesan dalam masyarakat.

3. Konsep Kendiri Remaja

Menurut Rogers (1980), konsep kendiri bermaksud definisi diri yang diberikan pada diri secara sedar apabila menggunakan perkataan 'saya'. Ia adalah gambaran persepsi kendiri yang tersusun yang dapat dibawa ke peringkat sedar. Konsep kendiri penting kerana ia adalah identiti peribadi seseorang dilihat oleh dirinya yang merangkumi perasaan, pengetahuan, kepercayaan tentang siapa dirinya, dan pencarian identiti diri ini akan membawa kematangan kepada remaja kerana ia seringkali berfikir dan menilai diri dan tingkahlakunya dan membuat penyesuaian agar menepati kehendak idealnya.

Azizi et. al. (2004) dalam buku Psikologi Sosial mendefinisikan konsep kendiri sebagai penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri atau bagaimana ia menanggapi tentang dirinya sendiri sama ada secara positif atau negatif terhadap kebolehan diri yang sebahagian besar 'saya' dapat

diperoleh daripada pengalaman sosial. Sering kali individu memberi perhatian pada apa yang dikatakan oleh orang yang rapat seperti rakan, ibu bapa dan guru mengenai dirinya daripada aspek personaliti, sikap, nilai, rupa wajah dan sebagainya yang dapat mencerminkan pandangan orang lain pada diri, samada secara positif atau pun negatif. Pengiktirafan dan pemahaman yang lebih mendalam akan dirinya akan memudahkan beliau menghadapi cabaran hidup kerana dapat menerima kelebihan dan kelemahan yang ada.

i. Perkembangan Identiti Remaja

Perkembangan identiti remaja berpunca dari perubahan biologi, kognitif dan sosial. Menurut Stanley Hall (1904) di dalam Azizi et. Al., (2005), beliau mengatakan zaman remaja sebagai zaman '*storm and stress*' yang bersifat biologikal yang terhasil daripada perubahan-perubahan yang berlaku semasa baligh sehingga menyebabkan emosi menjadi tidak stabil dan terganggu. Wujud tekanan dan perubahan serta berbagai konflik di dalam dirinya juga di dalam masyarakat menyebabkan remaja akhirnya berkembang menjadi individu yang matang dan bermoral. Remaja mengalami konflik kognitif di antara pengertian identiti diri dengan kekeliruan peranan sosial yang ada padanya sehingga menimbulkan persoalan mengenai persepsi diri. Remaja akan bertanyakan '*siapakah saya?*', '*apakah tujuan hidup ini?*' dan '*ke manakah arah sendiri?*'. Dalam menangani konflik kognitif ini seringkali remaja mengubah persepsi kendirinya akibat pengaruh dari persekitaran yang signifikan.

Rakan sebaya merupakan sumber utama dalam meniru gaya dan tingkahlaku dan aspirasi. Seltzer dan Waterman (1996), menjelaskan remaja membuat perbandingan tingkahlaku dengan remaja lain dalam membuat keputusan tentang masa kepada mereka. Wujud satu fenomena kebimbangan di kalangan remaja tentang kejelasan masa hadapan mereka dan bagaimana mencapainya cita-cita dan aspirasi sedemikian. Perkembangan kognitif pada remaja boleh membawa kepada pembentukan personaliti remaja.

CONTINUE...